PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

SOALAN LAZIM
BERKAITAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. **PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH DI MASJID DAN SURAU SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

   a. **Adakah solat Jumaat dan solat berjemaah telah dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**
   Selaras dengan syor yang diputuskan oleh Mesyuarat Muzakarah Khas Kali Ke-5, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 8 Mei 2020, dan setelah mendapat perkenan dari Majlis Raja-Raja, pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid dan surau sepanjang PKPB adalah diberikan **secara bersyarat** bagi sebahagian negeri dan Wilayah Persekutuan. Kebenaran ini juga adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri, atas perkenan Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri tidak beraja, serta perkenan Sultan, Raja dan Yang Dipertuan Besar selaku ketua agama Islam bagi negeri-negeri.

   b. **Negeri manakah yang telah membuat keputusan untuk pelaksanaan ini?**
   Setakat ini, negeri yang telah mengumumkan berkenaan pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah semasa PKPB adalah Perlis, Johor, Perak, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Kesemua negeri-negeri ini telah memberikan kebenaran pelaksanaan dengan syarat dan garis panduan tertentu.

   c. **Adakah pelaksanaan ini telah dibincangkan dengan teliti?**
   Cadangan pelaksanaan ini telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Muzakarah Khas Kali Ke-5, Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 8 Mei 2020. Cadangan ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil. 13/2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Mei 2020, serta di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Mei 2020.

2. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT BERJEMAAH DI MASJID DAN SURAU SEMASA PKPB

a. Adakah terdapat garis panduan yang perlu dipatuhi untuk pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid dan surau?

Ya. Terdapat syarat dan garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi oleh semua pihak, terutamanya Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau, ahli kariah, serta jemaah yang akan hadir untuk melaksanakan solat Jumaat dan solat berjemaah tersebut.

b. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi?

Garis panduan adalah berbeza mengikut negeri, oleh kerana pihak yang berautoriti dalam menetapkan garis panduan adalah pihak berkuasa agama negeri itu sendiri. Secara umumnya, garis panduan yang perlu dipatuhi oleh jemaah seperti yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seperti berikut:

i. Pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah adalah dengan bilangan yang terhad, tidak kurang dari 3 orang dan tidak lebih dari bilangan maksimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri;
ii. Semasa solat, jarak saf antara ahli jemaah adalah sejauh 1 meter antara satu sama lain;
iii. Jemaah diwajibkan memakai face mask dan hendaklah sentiasa melaksanakan penjarakan sosial (social distancing) di dalam dan luar masjid;
iv. Jemaah yang menghidap penyakit kronik, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas dan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun **tidak dibenarkan sama sekali** untuk hadir berjemaah di masjid;
v. Semua ahli jemaah yang hadir hendaklah mengambil wuduk dan membawa sejadah masing- masing sebelum hadir ke masjid;
vi. Cara masuk dan keluar masjid mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal. Selepas selesai solat, jemaah hendaklah terus bersurai dalam keadaan tenang; dan
vii. Tiada perkumpulan dibenarkan selesai solat Jumaat samada di dalam atau di luar masjid;

c. Selain garis panduan umum tersebut, adakah terdapat garis panduan lain yang perlu dipatuhi?

Setiap negeri mempunyai garis panduan khusus yang digariskan mengikut kesesuaian di negeri tersebut. Segala garis panduan khusus yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri hendaklah dipatuhi. Garis panduan tersebut boleh diakses melalui kenyataan media dan laman rasmi pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

d. Jika negeri saya tidak membenarkan pelaksanaan solat Jumaat dan solat berjemaah, adakah saya boleh pergi ke masjid di negeri lain?

MKN telah menetapkan bahawa sebarang pergerakan rentas negeri adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPB. Oleh itu, adalah dilarang sama sekali untuk menunaikan solat di masjid atau surau di negeri lain sekiranya masjid atau surau negeri sendiri tidak melaksanakan solat Jumaat atau solat berjemaah. Umat Islam yang berkenaan hendaklah menunaikan solat di rumah seperti biasa.

e. Saya tidak dapat menunaikan solat Jumaat di masjid kariah saya, apa yang perlu saya buat?

Sekiranya anda tidak dapat menunaikan solat Jumaat kerana negeri tidak membenarkan pelaksanaan solat Jumaat, atau sekiranya had kebenaran untuk pelaksanaan solat Jumaat di masjid kariah telah dipenuhi oleh jemaah lain, maka jemaah hendaklah menunaikan solat Zohor di rumah sendiri.

f. Jika negeri saya memberikan kebenaran untuk pelaksanaan solat Jumaat, bolehkah saya memilih untuk solat zohor di rumah sahaja?

Boleh. Sekiranya anda tergolong dalam golongan yang tidak dibenarkan untuk bersolat jemaah seperti yang digariskan di atas, atau anda tergolong dalam golongan yang berisiko, atau anda baru sahaja sembuh dari jangkitan COVID-19, anda dikehendaki untuk solat zohor seperti biasa di rumah. Sekiranya anda bukan dalam golongan di atas, anda juga dibenarkan untuk menunaikan solat Zohor di rumah. Fatwa berkenaan pelaksanaan solat Jumaat sepanjang tempoh PKP seperti yang diumumkan sebelum ini adalah masih terpakai, dan tiada tindakan akan dikenakan jika anda memilih untuk Solat zohor di rumah.

g. Adakah solat berjemaah yang bukan solat fardu seperti solat sunat tarawih dan solat sunat Aidilfitri turut dibenarkan?

Setiap negeri mempunyai keputusan sendiri berkenaan kebenaran solat berjemaah bukan solat fardu, yang digariskan mengikut kesesuaian di negeri tersebut. Jemaah hendaklah merujuk garis panduan yang disediakan pihak berkuasa agama negeri masing-masing berkenaan perkara ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
14 Mei 2020 bersamaan 21 Ramadhan 1441H